

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[ KOTA SAMARAHAN ]**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan inisiatif dan pertimbangan Kementerian menyediakan skim insurans yang akan memberikan bantuan kewangan kepada warga emas bagi menampung kos sara hidup mereka pada masa hadapan.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, dalam usaha untuk memastikan kelangsungan hidup warga emas, KPWKM menyediakan kemudahan kewangan berbentuk bantuan bulanan kepada warga emas yang berkelayakan, iaitu Bantuan Warga Emas (BWE) di bawah kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). BWE ini diberikan kepada warga emas yang memenuhi kriteria yang ditetapkan untuk meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan kehidupan dalam komuniti. Sehingga bulan Oktober 2021, jumlah penerima BWE adalah seramai 137,793 orang.

Berhubung dengan penyediaan skim insurans kepada warga emas, perkara ini perlu diperincikan pada peringkat Jawatankuasa Kerja Insurans Sosial di bawah Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) yang diterajui oleh Kementerian Kewangan.

Walau bagaimanapun, selain pendekatan penyediaan program insurans sosial, KPWKM berpandangan bahawa peranan keluarga perlu diperkukuhkan bagi meningkatkan kesejahteraan ahli keluarga selaras dengan tahap kebertanggungjawaban terhadap keluarga, membudayakan amalan ihsan yang memupuk semangat kebersamaan keluarga, memastikan suasana harmoni dapat dikecapi keluarga serta menyemai sikap berkhidmat kepada keluarga bagi membantu ahli yang memerlukan bantuan seperti yang diterapkan dalam pendekatan 'Keluarga Malaysia'.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[ KUANTAN ]**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [ Kuantan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan secara terperinci dari segi jumlah dan peratusan bakul makanan dari isi rumah yang diketuai oleh wanita dan isi rumah yang diketuai oleh lelaki. Selain itu, mohon perincikan sama ada penerima ini dari golongan B40 atau M40.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tidak mempunyai data agihan bakul makanan yang diserahkan kepada pemohon yang terdiri daripada ketua isi rumah wanita atau pun ketua isi rumah lelaki. Untuk tujuan memudahkan permohonan, pemohon tidak diperlukan untuk menghantar sebarang dokumen bukti pendapatan dan sebagainya mengambil kira keperluan mendesak akibat ancaman pandemik COVID-19 yang menjejaskan segenap aspek kehidupan masyarakat. JKM menyantuni semua pemohon yang memerlukan bakul makanan yang dirujuk melalui Bilik Gerakan, Talian Kasih 15999, *Google Form* dan yang hadir ke pejabat. Mereka terdiri daripada yang berkeperluan sama ada lelaki atau perempuan yang disantuni terus berdasarkan permohonan yang diterima. Jabatan tidak memperincikan golongan penerima sama ada daripada B40 atau M40.

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Sidang Khas MKN pada 26 Mac 2020, Kerajaan telah bersetuju untuk menyediakan bakul makanan kepada mereka yang memerlukan sepanjang tempoh pandemik COVID-19 yang diuruskan oleh Kementerian. Sejumlah **RM106.83 juta** telah dibelanjakan sepanjang bulan **Mac 2020 hingga Julai 2021** yang memberi manfaat kepada **1,131,385 Ketua Isi Rumah (KIR)**. Sejumlah **RM34.6 juta** menggunakan **Tabung COVID-19** manakala **RM72.2 juta** menggunakan peruntukan Kementerian Kewangan. Nilai bakul bagi agihan Fasa 1 iaitu pada Mac 2020 adalah berjumlah RM50 manakala nilai bakul bagi Fasa 2 dan seterusnya telah dinaikkan kepada RM100.

Susulan dari kejayaan program bakul makanan ini, Kerajaan memutuskan untuk meneruskan program bakul makanan melalui **Program Bakul Prihatin Negara (BPN)** yang dilancarkan pada 15 Julai 2021. BPN merupakan satu program secara kerjasama pintar berkonsepkan “*Whole of Society*” antara Kerajaan, Syarikat Berkaitan Kerajaan, Syarikat

## SOALAN NO. : 12

Korporat dan Sukarelawan Skwad Prihatin Negara (SPN) yang berjumlah 19,835 orang. Peruntukan untuk BPN adalah sepenuhnya sumbangan syarikat korporat seperti PETRONAS, AEON (co), Pharmaniaga, Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia serta Yayasan Sime Darby. Sejak BPN dilancarkan, dana yang terkumpul dan diuruskan oleh Kementerian melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) berjumlah **RM21 juta**. Sejumlah **354,200 KIR telah menerima bakul BPN** dan memberi manfaat kepada **lebih 1.4 juta ahli isi rumah**. Bagi program BPN, sebanyak 57% penerima bakul BPN merupakan KIR wanita, manakala 43% merupakan KIR lelaki.

Program BPN ini **telah tamat pada 15 Oktober 2021**, sejajar dengan pembukaan semula sektor ekonomi negara di bawah Pelan Pemulihan Negara. Bagi kes yang masih memerlukan bantuan serta di bawah pendapatan miskin tegar, boleh membuat permohonan bantuan yang bersesuaian di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berdekatan.

Sekian, terima kasih.